

# Kompaun RM500 jika gagal patuhi piawaian papan iklan



**A Rahim menunjukkan visi MJBJ selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di MJBJ, Johor Bahru.**

katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Penuh MJBJ, di sini, semalam.

Katanya, sejak kebelakangan ini, hasil pemantauan anggota penguat kuasa MJBJ mendapati terdapat papan iklan premis dipasang tidak mengikut per-

aturan hingga boleh mendatangkan masalah.

“Kalau tidak ikut spesifikasi berkemungkinan, ia boleh mendatangkan masalah keselamatan terutama ketika berlaku kebakaran.

“Selain itu, ia turut men-

catkan imej bandar raya ini kerana kewujudan papan tanda yang tidak se-  
ragam membuatkan sakit mata memandang,” kata-nya.

Menurutnya, berikutan itu pihaknya akan mengadkan pertemuan khas bersama pengusaha papan iklan mengenai tindakan yang bakal dikenakan.

Katanya, pada tahun lalu 75 papan iklan dan 77 pa-  
pan tanda pemilik premis diturunkan, manakala 42 papan iklan dan 39 papan tanda premis diambil tindakan sama pada tahun ini.

“Pengiklan perlu merujuk kepada garis panduan pengiklanan yang ditetapkan MJBJ dan tidak memikirkan keuntungan semata-mata,” katanya.